

SULIT

NAMA

TINGKATAN

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010
TASAWWUR ISLAM**

5226/1

**Kertas 1
September
1 ¼ jam**

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B
3. Jawab semua bahagian.
4. Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 10 dalam kertas soalan ini.
5. Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Markah	
A	20	
B	20	
Jumlah	40	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

5226/1 © 2010 Hak Cipta JPNJ

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

Bahagian A

[20 markah]

1 Para nabi dan rasul terpelihara daripada dosa dan maksiat

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A mukjizat
- B maksum
- C makrifah
- D maunah

2 Bonda Nabi Isa a.s. (Maryam) dianugerahi hidangan dari langit

Pernyataan di atas merujuk kepada contoh

- A irhas
- B istidraj
- C karamah
- D mukjizat

3 Wahyu diturunkan kepada nabi dan rasul melalui

- I di sebalik tabir
- II perantaraan wali
- III perantaraan Jibril
- IV mimpi yang benar

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

4 Antara yang berikut yang manakah menjelaskan maksud rabbaniyyah?

- A kesaksian
- B ketuhanan
- C penciptaan
- D pembuktian

SULIT

- 5
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kesempumaan adalah hak milik Allah s.w.t. ➤ Allah s.w.t. menjadikan manusia sebagai khalifah ➤ Semua makhluk yang hidup di dunia terikat dengan masa, tempat dan ruang yang tertentu |
|--|

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip-prinsip

- A syumuliyah
 B waqi'iyah
 C rabhaniyah
 D 'alamiyah
- 6 Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab hakim?
- A Membicarakan pesalah
 B Mencari saksi dan bukti yang sah
 C Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
 D Sentiasa beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T

- 7
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Mentaati Allah s.w.t. - Menjaga kesihatan rohani dan jasmani - Mengamalkan akhlak mulia |
|---|

Pernyataan di atas adalah tanggungjawab manusia terhadap

- A keluarga
 B diri sendiri
 C masyarakat
 D makhluk lain

- 8
- | |
|---|
| Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar: "Bahwasanya Rasulullah s.a.w. melarang menjual atau membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya..."
<div style="text-align: right;">(al-Bukhari)</div> |
|---|

Maksud hadis di atas menerangkan muamalah yang dilarang dalam Islam kerana

- A mengamalkan unsur riba
 B mengandungi unsur manipulasi
 C melaksanakan jual beli tanpa akad
 D menjual barangan yang belum pasti

SULIT

- 9 Antara yang berikut yang manakah perkara yang tidak merosakkan ibadat?

- A Aza
 B Ujub
 C Takbur
 D Ta'awun

- 10 Antara yang berikut yang manakah persamaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem konvensional?

- I Memenuhi keperluan hidup manusia.
 II Memudahkan manusia mendapat harta.
 III Melicinkan urusan kehidupan manusia seharian.
 IV Memberi kebebasan mutlak kepada manusia untuk mencari harta.

- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

- 11
- | |
|---|
| Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Qadha
 B Fatwa
 C Ijtihad
 D Fikah

- 12 Berikut adalah kebaikan fatwa kecuali

- A mewujudkan masyarakat yang bertoleransi
 B menjadikan umat Islam patuh kepada ajaran agama
 C mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dan harmoni
 D melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran

- 13 Falsafah munakahat bermaksud

- A Ikatan untuk memupuk kasih sayang suami isteri
 B Ikatan untuk merapatkan hubungan silaturrahim suami isteri
 C Ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga secara sah
 D Ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah

SULIT

- 14 Hukum sunat bermaksud
- A larangan Allah s.w.t. yang mesti ditinggalkan
 B perintah Allah s.w.t. yang wajib dilakukan
 C diigalakkan untuk ditinggalkan
 D digalakkan untuk dilakukan
- 15 Antara yang berikut yang manakah keistimewaan hukum jenayah Islam terhadap individu? ,
- A Menjaga nyawa dan keselamatan harta daripada dicerobohi
 B Mewujudkan keamanan dalam masyarakat
 C Mewujudkan kemajuan dalam negara
 D Perpaduan kaum dapat dicratkan

- 16 Antara hukum jenayah Islam berikut yang manakah salah mengenai kesalahan dan hukumannya?

	Kesalahan	Hukuman
A	Zina bagi yang belum kahwin	Disebat 100 kali
B	Merompak harta tanpa membunuh	Penjara
C	Kesalahan jalan raya	Denda
D	Minum arak	Disebat 40 kali

- 17 Antara yang berikut yang manakah sebab penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam?
- A Masalah tidak berulang
 B Masalah tidak menjadi lebih teruk
 C Masalah dapat diselesaikan secara menyeluruh
 D Masalah dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat

18

- Al-Quran
 - Al-Hadis
 - Al-Ijmak
 - Al-Qias

Perkara di atas berkaitan dengan

- A Sumber penyelesaian masalah
 B Langkah penyelesaian masalah
 C Matlamat penyelesaian masalah
 D Kemampuan Islam menyelesaikan masalah

SULIT

- 19 Niat ⇨ Keazaman ⇨ Tindakan ⇨ Tawakkal ⇨ Muhasabah

Carta aliran di atas menerangkan

- A Kesan penyelesaian masalah.
 B Langkah penyelesaian masalah.
 C Amalan dalam penyelesaian masalah.
 D Perlakuan dalam penyelesaian masalah

- 20 Cara berdakwah yang berkesan ialah

- A Sentiasa mengemukakan pendapat
 B Mengadakan perbincangan yang baik
 C Menunjukkan penampilan diri yang kemas
 D Meraikan perayaan pelbagai agama dan bangsa

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga 24

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- 21 Tetap dan teguh serta tidak berubah.
- 22 Fahaman yang memisahkan kehidupan keduniaan dengan urusan agama.
- 23 Membayar dengan bayaran tertentu terhadap sesuatu barang yang membolehkan seseorang itu mengambil manfaat dari harta milik orang lain.
- 24 Hukuman yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa.

Soalan 25 hingga 28

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 25 Hadis yang diriwayatkan oleh golongan yang dituduh pendusta adalah termasuk dalam jenis hadis _____.
- 26 Allah SWT menganugerahkan _____ kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka sebagai utusanNya.
- 27 Islam mewajibkan umatnya yang kaya supaya membantu golongan miskin melalui _____.
- 28 Golongan _____ tidak mampu mengurus harta kerana tidak mampu menilai dengan sempurna.

Soalan 29 hingga 32

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.

Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

- 29 Islam telah memberi kelonggaran kepada penganutnya untuk mempelbagaikan fesyen pakaian asalkan tidak terkeluar daripada batas syarak.
- 30 Penyelesaian masalah secara konvensional bermatlamat kebahagiaan dunia dan akhirat.
- 31 Harta merupakan milik mutlak Allah s.w.t.
- 32 Khalifah bertanggungjawab melaksanakan hukum syariat mengikut situasi dan tempat.

Soalan 33 hingga 36


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

	X	Sumber harta yang halal	Y	Sumber harta yang haram		
					Pernyataan	Jawapan
<input type="text"/>					33 Bekerja membersihkan tangki najis.	
<input type="text"/>					34 Mengurangkan sukatan atau timbangan beras yang dibeli oleh pelanggan.	
<input type="text"/>					35 Menjual barangan terpakai kepada pelanggan.	
<input type="text"/>					36 Mengambil upah memotong rumput di kawasan kilang arak.	

SULIT

Soalan 37 hingga 38

Carta di bawah menunjukkan elemen-elemen penting dalam pembentukan negara Islam.




37 P : _____

38 Q : _____

Soalan 39 Hingga Soalan 40

Carta di bawah menunjukkan matlamat perundangan Islam.



39 R : _____

40 S : _____

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 (A) (B) (C) (D)

2 (A) (B) (C) (D)

3 (A) (B) (C) (D)

4 (A) (B) (C) (D)

5 (A) (B) (C) (D)

6 (A) (B) (C) (D)

7 (A) (B) (C) (D)

8 (A) (B) (C) (D)

9 (A) (B) (C) (D)

10 (A) (B) (C) (D)

11 (A) (B) (C) (D)

12 (A) (B) (C) (D)

13 (A) (B) (C) (D)

14 (A) (B) (C) (D)

15 (A) (B) (C) (D)

16 (A) (B) (C) (D)

17 (A) (B) (C) (D)

18 (A) (B) (C) (D)

19 (A) (B) (C) (D)

20 (A) (B) (C) (D)

MARKAH BAHAGIAN A